

# DIALOG BERSAMA PENGURUSAN SPE



**S**atu perjumpaan antara pihak pengurusan SPE dengan pelajar-pelajar SPE telah diadakan baru-baru ini pada 11 Ogos 2010 bagi sesi pengajian sesi 2010/2011 di Dewan Kuliah Perdana, Dewan yang boleh memuatkan 1000 orang itu dipenuhi dengan pelajar-pelajar yang memberikan sambutan hangat terhadap program yang diadakan. Pelajar-pelajar telah mengambil kesempatan ini dengan mengemukakan pelbagai isu antaranya berkaitan kebijakan, pembelajaran, kuliah, dan lain-lain yang berkaitan dengan isu-isu pelajar. Sambutan yang diberikan ternyata begitu memberangsangkan dan usaha ini dilihat oleh pihak pentadbiran sebagai satu aktiviti berfaedah bagi menyediakan ruang forum perbincangan antara pihak pentadbiran SPE dan pelajar. Program yang diadakan merupakan inisiatif pihak Pengurusan sekolah dengan kerjasama Jawatankuasa Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE). Menurut Presiden PMPE, Datu Rais Datu , program ini merupakan rentetan dari suara pelajar yang mahukan ruang bagi mengutarkan permasalahan dan idea khususnya di sekitar SPE. Sesi soal jawab telah dikendalikan dengan baik oleh Dekan, Prof. Madya Dr Hjh Arsiah Bahron, Timbalan-timbalan dekan, Ketua-ketua Program, Penolong Pendaftar Kanan serta beberapa kakitangan akademik.

